KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	26/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	PERHILITAN			

Sinar 26 Okt 2021_23

Kebun kelapa musnah diserang gajah

Kejadian berlaku kali kedua walaupun kebun dipasang pagar elektrik

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

Seorang pengusaha kebun kelapa di Kampung Sungai Kepong sedih kerana tanamannya dimusnahkan oleh gajah yang berjaya memasuki kawasan itu walaupun sudah dipasang dengan pagar elektrik pada Isnin.

Kata Rosli Basri, 42, kumpulan gajah liar berkenaan dipercayai memasuki kebunnya itu kira-kira jam 4 pagi pada Isnin dan sebanyak 33 pokok kelapa jenis Tacunan miliknya musnah.

"Kejadian disedari oleh pekerja saya yang datang ke kebun. Terdapat kesan tapak kaki dan najis gajah ditemui di kebun saya. Wayar elektrik yang dipasang pada pagar pula sudah putus.



Pagar elektrik rosak diserang gajah di Kampung Sungai Kepong pada Isnin.

"Ini kali kedua gajah memasuki kebun saya selepas dimasuki haiwan tersebut pada tahun lalu dan memusnahkan tanaman pisang. Kali ini gajah memasuki kebun saya dan memusnahkan tanaman pokok kelapa pula.

"Pada masa ini belum tahu jumlah kerugian saya alami tetapi mujurlah 300 pokok durian yang turut diusahakan tidak dimusnahkan oleh gajah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurut Rosli, dia percaya antara tiga dan empat ekor gajah memasuki kebun miliknya itu dan sudah melaporkan mengenai haiwan tersebut kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Sedih memang sedih sebab banyak pokok kelapa saya tanam musnah, namun tetap perlu sabar," katanya.